

Pembentuk Generasi Berkoperasi

# Tunas GAGASAN



SURUHANJAYA  
KOPERASI  
Malaysia

EDISI BERKALA



YESS Peringkat  
Kebangsaan 2023

## PROAKTIF

Koperasi Pertama Guna Sistem  
Kedai Runcit Layan Diri



**MOHD FIRDAUS HUSSIN**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Koperasi  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Majalah Tunas Gagasan  
Koperasi  
Bil. 02

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Rusli Jaafar

**KETUA EDITOR**  
Mohd Firdaus Hussin  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Koperasi

**EDITOR**  
Nor Azam Md Salleh  
Syamsul Safrin Mohd Ali  
Sharifah Nurrasyidah Syed Abd Razak  
Mohd Affandy Amir  
Norhaslinda Isa

**EDARAN DAN PENERBITAN**  
Bahagian Pembangunan Koperasi,  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

## Promo

Lain-lain penerbitan kami



Dapatkan naskhah **majalah Gagasan Koperasi** secara online di [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)

Imbas kod QR untuk ke pautan tersebut



## D A R I M E J A P E N G A R A N G

### Assalamualaikum dan Salam Berkoperasi.


**S**yabas kepada seluruh pasukan editorial majalah Tunas Gagasan kerana dapat menyiapkan naskhah kali ini dengan jayanya. Semoga majalah ini terus memberikan inspirasi kepada kelompok sasaran iaitu anggota koperasi sekolah yang terdiri daripada guru dan pelajar.

Kegemilangan sambutan Program YESS Peringkat Kebangsaan 2023 pada 14 hingga 16 November 2023 yang lalu menjadi penanda aras bahawa semakin banyak koperasi sekolah yang berdaya saing

dalam perniagaan. Hal ini amat memberangsangkan kerana kami percaya ramai usahawan berjaya bakal dilahirkan apabila mereka telah ada asas perniagaan dari peringkat sekolah lagi.

Akhir kata, sama-sama kita berganding bahu untuk meningkatkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar kerana mereka inilah pemangkin generasi berkoperasi pada masa akan datang.

*Selamat Membaca!*



# Kandungan

## RENCANA UTAMA

4 -5 **YESS Peringkat Kebangsaan 2023**

6 -7 **Gazela Ada Seni Tersendiri**

8 -9 **Di Sekitar Penganjuran Program YESS 2023 (Peringkat Kebangsaan)**

## INSPIRASI

10 -11 **Kedai Runcit Permintaan Ramai**

12 -13 **Komersialkan Minuman Aloe Vera**

## PROAKTIF

14 -15 **Koperasi Pertama Guna Sistem Kedai Runcit Layan Diri**

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Berkoperasi.

Dalam dunia semakin moden dengan teknologi yang berkembang pesat, saya melihat digitalisasi adalah elemen penting termasuk dalam arena perniagaan. Banyak perkara boleh dimudahkan bukan sekadar urus niaga tanpa tunai sahaja.

Saya melihat koperasi sekolah juga sudah semakin terkehadapan dalam teknologi yang digunakan di koperasi mereka. Saya menyokong hal ini kerana ianya membawa banyak manfaat kepada usahawan dan juga pelanggan.

Tahniah diucapkan kepada seluruh pihak pengurusan Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad kerana menjadi koperasi pertama yang menggunakan sepenuhnya sistem layan diri dalam perniagaan kedai runcitnya. Apatah lagi, dengan sistem itu mereka mampu meraih jualan RM2,000 sehari kerana dapat mengelakkan ketirisan dalam urus niaga.

Ini menunjukkan penggunaan sistem digital mempunyai banyak kelebihan. Selain meningkatkan jualan, mereka juga dapat membuka urus niaga dalam tempoh lebih panjang berbanding kedai yang dijaga oleh manusia. Teknologi membantu memudahkan urusan setiap pihak.

Saya mengalaukan lebih banyak koperasi sekolah yang menggunakan sistem seperti ini. Ibu bapa tidak perlu lagi memberikan wang tunai kepada anak-anak. Cukup dengan hanya satu kad untuk anak-anak membuat pembelian.

Atas sebab itulah, saya menyokong mana-mana koperasi yang ingin menggunakan sistem sebegini dalam urus niaga mereka. Pihak pengurusan perlu bersedia berdepan dengan kebangkitan teknologi kerana kerajaan sendiri ingin memantapkan digitalisasi dalam kerja-kerja pengurusan. Urusan kerja perlu dibuat secara dalam talian. Justeru, untuk terus maju, kita perlu bersedia dengan pelbagai kemungkinan.

Sekali lagi, syabas kepada Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad. Ada sebab kisah koperasi tersebut dimasukkan ke dalam Majalah Tunas Gagasan ini. Saya percaya setiap koperasi ada kisah tersendiri dan paragon kisah kejayaan sebegini dapat memberikan inspirasi kepada koperasi sekolah yang lain.

Akhir kata, yang baik jadikan teladan, yang buru jadikan sempadan. Sama-sama kita mengambil pendekatan berhemah untuk memajukan koperasi kita. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa menyokong usaha anda untuk menjadi koperasi terbaik pada masa hadapan.

*Selamat Maju Jaya!*

**RUSLI JAAFAR**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Saya mengalaukan lebih banyak koperasi sekolah yang menggunakan sistem seperti ini. Ibu bapa tidak perlu lagi memberikan wang tunai kepada anak-anak. Cukup dengan hanya satu kad untuk anak-anak membuat pembelian.

# YESS Peringkat Kebangsaan 2023

Perkasa peranan koperasi dan pupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar

**M**elentur buluh biar dari rebungnya. Demi melakukan pendedahan awal terhadap program keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah menganjurkan Program YESS Peringkat Kebangsaan 2023 dan direalisasikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

YESS adalah merujuk kepada *Young Entrepreneurs' Strive For Success*. Program ini diwujudkan sebagai inisiatif mengiktiraf koperasi sekolah sebagai ejen pembumiana keusahawanan yang berkesan di peringkat sekolah.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah bagi melahirkan lebih ramai usahawan. Dalam masa yang sama, program ini juga bertujuan



memperkasa peranan koperasi sekolah sebagai institusi kebudayaan keusahawanan koperasi.

Menariknya, tahun 2023 merupakan tahun istimewa penganjuran kerana program YESS telah tertangguh selama empat tahun akibat negara dilanda pandemik COVID-19. Sebanyak 14 buah koperasi sekolah telah menghantar wakil untuk mewakili koperasi masing-masing dalam acara gilang gemilang ini.

Program YESS bukanlah program tambahan sebaliknya YESS telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada kurikulum di sekolah yang dipertandingkan pada peringkat negeri dan seterusnya pada peringkat kebangsaan.

Terdapat banyak manfaat untuk pihak koperasi sekolah terokai melalui Program YESS,



YBhg En. Rusli b. Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif SKM, ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian program YESS (Peringkat Kebangsaan) Tahun 2023.

## INFOgrafik

**Pemenang Anugerah YESS Peringkat Kebangsaan 2023:**

**Johan Anugerah Projek Terbaik:**

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Kencana Berhad

**Naib Johan Anugerah Projek Terbaik:**

Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Batu Pahat Berhad

**Tempat Ketiga Anugerah Projek Terbaik:**

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Intan Zaharah Dungun Terengganu Berhad

**Tempat Keempat Anugerah Projek Terbaik:**

Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad

**Tempat Kelima Anugerah Projek Terbaik:**

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Riam Miri Berhad

**Anugerah Persembahan Terbaik:**

Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Batu Pahat Berhad

**Anugerah Guru Pembimbing Terbaik:**

Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad

**Anugerah Pengurus Terbaik:**

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Intan Zaharah Dungun Terengganu Berhad

**Anugerah Booth Terbaik:**

Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad

**Anugerah Khas Juri:**

Koperasi SMK Sultan Badlishah Kulim Kedah Berhad



Pasukan-pasukan yang memenangi anugerah yang dipertandingkan bergambar bersama tetamu kehormat.

Misalnya, koperasi sekolah berpeluang mengetengahkan idea untuk dinilai dari segi potensi. Pihak Suruhanjaya akan melihat secara terperinci idea tersebut dari segi potensi penggunaan dalam memenuhi keperluan anggota dan masyarakat, potensi pengeluaran dan pengkomersialan sebelum diiktiraf sebagai produk terbaik yang dihasilkan oleh koperasi sekolah.

Sebelum ini, Program YES2023 dikenali sebagai Konvensyen Keusahawanan Koperasi Sekolah. Melalui program inilah, koperasi sekolah yang berpotensi akan diraikan kejayaan selepas penilaian dibuat melalui kriteria ditetapkan, supaya dapat memberi inspirasi kepada koperasi sekolah yang lain.

Melalui semakan data sehingga Jun 2023, terdapat 2,485 koperasi sekolah di seluruh negara dengan keanggotaan lebih kurang 2 juta individu.

#### Kisah Buko Pandan

Dinobatkan sebagai Johan Anugerah Projek Terbaik, Koperasi SMK Desa Kencana Berhad mempunyai kisahnya sendiri. Projek ini diterajui oleh kumpulan yang menamakan dirinya



Johan Anugerah Projek Terbaik dianugerahkan kepada Koperasi SMK Desa Kencana Berhad mewakili finalis dari negeri Sabah.

sebagai Time To Buko (TTB). Dianggotai oleh Zurhamkah, Nurul Ain Najiha, Siti Nurlaila Aqilah, Nur Ain Aziqah dan dipantau oleh Lelyana Hidayati selaku Guru Pembimbing Koperasi SMK Desa Kencana. Time To Buko adalah produk minuman Buko Pandan yang berasaskan kelapa dan pandan. Minuman ini menerima pengiktirafan kerana mempunyai nilai komersial untuk diniagakan, idea yang bernalas, dyaa kreativiti dan disiplin tinggi yang ditunjukkan oleh kumpulan pelajar tersebut. Kemenangan ini membolehkan

Koperasi SMK Desa Kencana Berhad membawa pulang hadiah wang tunai sebagai RM10,000.

Program YES2023 telah dilangsungkan pada 14 hingga 16 November 2023 di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan), KUSKOP, YBhg. Datuk Haji Zamri Salleh. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Rusli Jaafar, dan wakil Pengarah SKM Sabah, Malisah Sinin.

# Gazela Ada Seni Tersendiri

Koperasi Kolej Vokasional Temerloh Berhad berjaya lahirkan usahawan

**S**eni binaan kayu-kayan adalah seni yang kasar dan tidak mati dek zaman. Membelek ukiran ataupun seni bina yang menggunakan kayu, tetap ada keindahannya walau telah bertahun-tahun lamanya dihasilkan.

Begitu jugalah dengan seni binaan gazebo atau pergola. Kewujudan dua binaan ini di halaman rumah selalunya menjadi daya tarikan bagi sesebuah kediaman. Fungsi gazebo dan pergola adalah sebagai ruang santai keluarga untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

Koperasi Kolej Vokasional Temerloh Berhad, mengusahakan perniagaan pembuatan gazebo. Keunikian nama gazela itu sendiri adalah gabungan antara pembuatan gazebo dan pergola. Perbezaan utama gazebo dan pergola adalah bentuknya. Gazebo bentuknya bebas dan berbungbung. Manakala pergola bentuknya segi empat tepat dan bumbungnya memberi tedyuhan minimum sahaja.

“Bagi saya, seni kayu ini sentiasa



Di antara produk yang dihasilkan koperasi.

malar segar. Ada nilai estetikanya yang tidak terkata. Kalau kita lihat, rumah yang dibina daripada kayu-kayu lama lebih tinggi nilainya berbanding rumah yang dibina menggunakan kayu baru,” ujar Pengerusi Koperasi Kolej Vokasional Temerloh

Berhad, Hadi Taufik Hussain yang mengakui jika kayu lama diketam semula, hasilnya amat cantik dan tinggi seninya.

Atas faktor kualiti kayu lama, pihak koperasi sanggup mencari rumah atau pejabat lama untuk mendapatkan kayu terpakai. Kayu lama dibeli pada harga RM2,000 dan ianya boleh meningkat kepada nilai RM20,000 selepas diproses menjadi gazela.

“Idea untuk membuat perusahaan gazela tercetus apabila melihat organisasi kami ada modal tenaga. Kita ada pensyarah, kita ada pelajar. Dalam kursus pun ada kursus pembinaan bangunan, perkayuan dan batu bata. Kami cuba buat satu model gazela dan ramai yang suka. Dari situ lah kami mula mengkomersialkannya,” ujar Hadi.

Salah satu strategi pemasaran yang dibuat adalah menyertai pameran sama ada peringkat antarabangsa atau negeri. Malah koperasi turut menyertai pameran kecil demi menguar-uarkan mengenai perusahaan mereka.



Model mini yang memperkenalkan variasi produk gazela yang dihasilkan.

“Kami mula buat projek ini dengan latihan amali pelajar sejak nama masih Sekolah Menengah Teknik. Kami inovasikan gazela itu dan kami komersialkan pada tahun 2015. Kami menang Pertandingan Perintis Usahawan Koperasi 2017. Permintaan pelanggan amat memberangsangkan,” ujarnya lagi.

### Perusahaan

Produk gazela ini dijual pada harga bermula dari RM4,000 hingga RM50,000 mengikut saiz iaitu 5X6, 6X6 dan 20X30. Koperasi ini menggunakan kayu bermutu tinggi iaitu cengal, balau, resak dan merbau. Jangka hayat kayu sebegini selalunya lebih 100 tahun.

Memandangkan kayu bermutu tinggi agak tinggi harganya, koperasi membuat alternatif dengan turut menghasilkan gazela bajet menggunakan kayu biasa. Ini kerana, golongan pertengahan juga menyukai gazela dan ingin memiliki untuk halaman rumah masing-masing.

“Sebagai contoh, gazela berharga RM4,000 boleh dibeli pada harga RM3,000 saja jika menggunakan kayu biasa. Setakat ini, kami telah menghasilkan lebih 200 unit gazela menggunakan kayu biasa,” ujarnya lagi.

Setiap tempahan mengambil masa seminggu untuk disiapkan. Pelanggan perlu membuat tempahan dan bayaran. Selepas bayaran diterima, barulah tempahan disiapkan. Pelajar yang telah dilatih akan menyiapkan tempahan di bengkel. Selain dibayar upah RM100 sehari, pelajar juga mendapat pendedahan terhadap proses menerima tempahan, berurusan dengan pelanggan dan serba sedikit mengenai keusahawanan.



Pengerusi dan ALK koperasi bergambar kenangan ketika menerima kunjungan kru Majalah Tunas Gagasan.

### Lahirkan Usahawan

Koperasi Kolej Vokasional Temerloh Berhad tidak hanya fokus mendapat keuntungan sahaja, tetapi koperasi turut berhasrat untuk melahirkan usahawan daripada perusahaan yang dilakukan. Setakat 10 tahun aktif dengan perusahaan gazela ini, koperasi telah melahirkan tiga usahawan yang membuat permulaan serupa.

“Ketika masih bersekolah, pelajar itu

bekerja dengan koperasi pada hujung minggu. Kami bayar RM100 sehari sebagai upah. Sekarang, dia mengusahakan perniagaan membuat gazebo. Jika dia tidak sempat menyiapkan tempahan, dia akan serah kepada koperasi untuk mengambil tempahan tersebut. Maksudnya, kami masih berhubung dan bekerjasama,” ujarnya lagi yang mengakui bahawa koperasi menerima banyak tempahan namun tidak berupaya menerima tempahan berskala besar disebabkan kekangan tenaga kerja.



Kemahiran, ketelitian serta kaedah pertukangan yang dipraktikkan menjamin kualiti produk yang dihasilkan.

### INFO pantas

**Nama Sekolah:** Kolej Vokasional Temerloh • **Nama Koperasi:** Koperasi Kolej Vokasional Temerloh Berhad • **Status Sekolah:** Sekolah teknik • **Tarikh Penubuhan Koperasi:** 19 Mac 1985 • **Bilangan Anggota Koperasi:** 735 anggota • **Bilangan Pelajar Sekolah:** 700 orang pelajar • **Pengerusi Koperasi:** Hadi Taufik Hussain • **Aktiviti Koperasi:** Perusahaan pertukangan gazela, kedai runcit, dobi dan coop farm



YBhg Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP (tiga dari kiri) ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Program Young Entrepreneurs' Strive for Success (YESS) Peringkat Kebangsaan 2023



Pengurusan Tertinggi SKM mengiringi YBhg Datuk Zamri ketika sesi walkabout ke reruai pempamer.



YBhg Datuk Zamri ketika menyampaikan ucapan sebelum menyempurnakan upacara perasmian majlis.





Suasana di sekitar ruangan pameran reruai bagi setiap pasukan finalis yang bertanding.

**Bawah:** Gelagat peserta semasa sesi persembahan setiap pasukan yang bertanding.





# Kedai Runcit Permintaan Ramai

Koperasi SMK Kuala Lanar Berhad raih perolehan RM400,000

**P**erniagaan yang cepat beroleh kejayaan adalah perniagaan yang membantu menyelesaikan masalah individu. Begitulah yang berlaku kepada Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad apabila mereka perlu cepat mengusahakan kedai runcit di kawasan tersebut. Ini disebabkan permintaan penduduk setempat yang memerlukan sebuah kedai runcit demi mendapatkan keperluan harian tanpa perlu pergi ke lokasi yang jauh.

Terletak di Kampung Kuala Lanar, lokasinya adalah lebih kurang 7 kilometer dari bandar Kuala Lipis. Justeru, dengan jarak tersebut agak jauh bagi penduduk setempat untuk mendapatkan barang runcit.

“Tercetusnya penubuhan koperasi ini adalah disebabkan taman perumahan di sini masih baru dan belum ada kedai runcit lagi. Jadi, saya dan anggota koperasi ini berbincang untuk cepat-cepat buka kedai runcit supaya penduduk sekitar boleh beli barang runcit dengan mudah,” ujar Pengerusi




Che Rokiman bersama penggerak projek kedai runcit koperasi.

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad, Che Rokiman Abdul Jalil memulakan bicara.

Bermodalkan duit Tabung Modal Pusingan daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(SKM) sebanyak RM80,000 telah memudahkan pihak koperasi untuk membeli keperluan bagi memulakan kedai runcit.

Sebagai individu yang gemar bermula, Che Rokiman sedar bahawa sebuah kedai runcit yang



Susunan ruang atur yang kemas dan selesa ternyata memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan.

pelanggan suka datang adalah kedai yang memberikan pengalaman membeli-belah yang memuaskan hati. Misalnya produk banyak pilihan, produk tersusun dengan rapi dan layanan daripada pekerja kedai yang baik.

“Di dalam kedai ini, kami jual banyak barang. Senang kata, sebutlah apa sahaja, semua kami ada jual. Baja pun kami jual kerana kami ingin menarik pelanggan datang ke sini jika mereka perlukan apa-apa saja keperluan runcit. Sekecil-kecil barang misalnya gelang getah itu pun kami ada jual. Koperasi SMK Kuala Lanar bekerjasama erat dengan Koperasi Peneroka Felda Ter-sang Tiga Berhad kerana koperasi tersebut mempunyai panel untuk membekalkan barang kepada koperasi runcit yang baru dibuka. Barang runcit diambil dari Kuala Lumpur dengan pengambilan produk bernilai RM37,000,” kata Che Rokiman lagi.

Menariknya, koperasi ini berjaya membuat jualan sebanyak RM1,000 sehari dan meningkat dari semasa ke semasa. Menurut Che Rokiman, koperasi ini pernah membuat promosi harga runtuh iaitu RM1 setiap barang selama sehari. Promosi ini telah menyebabkan kebanyakan barang jualan habis dijual. Promosi ini turut menyediakan cabutan bertuah dengan hadiah motosikal. Hal ini juga membantu lebih ramai pembeli datang ke kedai runcit koperasi ini sekali gus mempromosikan kewujudan kedai tersebut. Ini menunjukkan strategi pemasaran sebegini amat berjaya.

Bercara mengenai waktu bekerja, Che Rokiman menegaskan bahawa waktu urus niaga pada awalnya adalah dari jam 7.30 pagi hingga

6.30 petang. Namun kemudian waktunya tersebut diubah kepada 24 jam sehari. Ketika hujung minggu, koperasi mengambil pekerja sambangan dengan bayaran upah sebanyak RM50 sehari. Kedai runcit ini hanya tutup selama tiga hari setahun iaitu pada Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

“Saya percaya bahawa kedai yang lengkap selalunya menjadi pilihan pelanggan. Ini kerana pelanggan lebih suka menjadikan kedai yang banyak pilihan berbanding kedai yang nampak kosong. Atas sebab itulah saya fokus kepada kepelbagaiannya produk jualan dan juga layanan kepada pelanggan,” ujar Che Rokiman yang gembira apabila strategi pemasaran dibuat berjaya membuat kedai runcit ini menjadi buah mulut masyarakat setempat sehingga menjadikan kedai runcit ini begitu terkenal. Maka tidak mustahil koperasi ini mendapat perolehan sehingga RM400,000 pada tahun lepas.

### Kerjasama

Demi kejayaan kedai runcit, Koperasi SMK Kuala Lanar bekerjasama erat dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk membuat jalan kecil supaya motosikal dan pejalan kaki boleh masuk terus ke koperasi. Hal ini membantu meningkatkan jualan kerana memudahkan pembeli masuk ke koperasi dan membuat pembelian.

Atas dasar minat dan suka cabarannya, Che Rokiman mengakui dirinya rasa teruja untuk melihat wang yang terkumpul dalam akaun koperasi. Sejak di bangku sekolah lagi beliau telah terdedah dengan perniagaan koperasi.

### INFO pantas

**Nama Sekolah:** : SMK Kuala Lanar • **Nama Koperasi:**

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lanar Lipis Pahang Berhad • **Status Sekolah:** Sekolah Harian •

**Tarikh Penubuhan Koperasi:** 13 Jun 2006 • **Bilangan Anggota Koperasi:** 364 orang •

**Bilangan Pelajar Sekolah:** 380 orang • **Pengerusi Koperasi:** Che Rokiman Abdul Jalil • **Aktiviti Koperasi:** Kedai runcit dan sewa tempat letak kenderaan



Pintu masuk utama Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lanar di Kuala Lipis, Pahang

“Saya buat sasaran sendiri untuk dapat kumpul RM500,000 untuk akaun koperasi. Sekarang telah ada RM400,000 dalam akaun. Saya rasa bersyukur dan merancang untuk menambah baik strategi perniagaan supaya koperasi ini lebih sukses dan dapat melatih lebih ramai pelajar untuk menjadi usahawan,” katanya mengakhiri perbualan dan turut terharu dengan sokongan daripada pihak SKM sendiri.



# Komersialkan Minuman Aloe Vera

Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad tidak menang tangan

**G**el dan isi pokok lidah buaya atau lebih dikenali sebagai aloe vera mempunyai pelbagai manfaat untuk kesihatan dan kecantikan. Hal ini menjadikan Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad berminat untuk mengusahakan produk beraskan minuman aloe vera.

Bermula dengan perkongsian seorang guru mengenai resipi minuman aloe vera, koperasi ini mulai serius dengan penghasilan air minuman aloe vera yang dibotarkan. Produksi dimulai pada tahun 2019.

"Kami beli 50 pokok lidah buaya dan tanam di sekeliling kawasan sekolah. Tidak sangka pokok ini

cepat membiak. Sekarang kami ada beratus-ratus pokok. Dengan sumber pokok lidah buaya yang koperasi ada, sudah mencukupi untuk menampung pengeluaran minuman berasaskan pokok lidah buaya sebanyak 180 botol seminggu," kata Pengurus Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad, Roslan Abdul Aziz.

Menurut Roslan, permintaan terhadap produk minuman aloe vera keluaran koperasi ini amat memberangsangkan. Namun pihak koperasi tidak mempunyai keupayaan untuk membuat pengeluaran lebih daripada 180 botol seminggu. Proses pembuatan

dilakukan secara manual sebanyak dua periuk bagi setiap produksi.

Koperasi ini masih dalam usaha untuk mendapatkan mesin yang boleh memotong kiub aloe vera. Ini kerana proses memotong aloe vera kepada kiub mengambil masa agak lama. Dengan tenaga kerja yang terhad, proses pembuatan minuman tidak dapat dihasilkan secara banyak.

"Pekerja koperasi seramai dua orang. Ditambah dengan pelajar yang selalu membantu urusan membuat minuman ini dapat membantu pengoperasian. Untuk pelajar, kami berikan upah atas usaha mereka untuk membantu



Di antara proses yang dilalui dalam penghasilan produk minuman aloe vera.





Pengerusi dan ALK koperasi bergambar kenangan ketika menerima kunjungan kru Majalah Tunas Gagasan di koperasi.

operasi dan mempelajari perusahaan membuat minuman. Upahnya adalah 30 sen bagi setiap botol yang dibuat. Ada masanya kami buat lebih jika ada tempahan untuk lawatan guru,” katanya lagi yang memaklumkan bahawa ada pelajar yang terlibat dengan memotong kiub aloe vera dan ada yang membantu membotolkan minuman.

### Sokongan

Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad mula didaftarkan sebagai koperasi pada 3 Mac 1975 atas nama Syarikat Kerjasama Jimat Cermat Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah Vokasional Muar Berhad. Menurut Roslan, koperasi ini berusaha untuk menjadi antara 10 koperasi terbaik negeri Johor menjelang tahun 2030.

“Misi koperasi adalah menyediakan platform keusahawanan dan kepimpinan dalam kalangan anggota. Koperasi juga mahu memberikan perkhidmatan berkualiti dengan harga berpatutan untuk kepentingan warga kolej vokasional ini,” kata Roslan yang kerap mengingatkan pelajar untuk belajar menjalankan perusahaan kecil-kecilan sebagai mengembangkan kemahiran sebagai usahawan sejati di bangku sekolah.

Koperasi turut menggalakkan pelajar untuk berinovasi dan memberi khidmat terbaik kepada sekolah serta masyarakat. Koperasi menyarankan pelajar untuk menimba pengalaman berurus niaga dengan pelanggan. Jadi secara tidak langsung pelajar dapat

mempelajari pelbagai kaedah menjadi usahawan dengan bermula dari bawah.

Justeru, di samping menyokong minat pelajar dalam keusahawanan, koperasi turut perlukan sokongan daripada pihak berwajib terutamanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) demi melancarkan operasi koperasi.

“Koperasi ini pernah dapat geran Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-Dapat). Geran ini membolehkan koperasi memajukan pemasaran secara digital iaitu membina laman web dan media sosial dengan modal sebanyak RM14,000. Hal ini termasuk urusan mencipta laman web, membeli hosting dan domain nama yang sesuai untuk koperasi,” ujarnya lagi yang turut menyatakan bahawa koperasi ini pernah mendapat Anugerah Khas Sambutan Hari Koperasi Sekolah Terbaik 2022.

Menurut Roslan, terkini koperasi ingin cuba mendapatkan bantuan berupa mesin pemotong aloe vera supaya kerja memotong bentuk kiub dapat dijalankan dengan lebih cepat. Begitu juga dengan pembotolan air minuman. Dengan adanya mesin, kerja-kerja produksi dapat dijalankan dengan lebih bersih dan pantas.

“Proses membersihkan aloe vera pihak koperasi dapatkan tunjuk ajar daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Dari situ kami memahamkan kaedah untuk menghilangkan bau kurang sedap aloe vera. Begitu juga dengan cara mengelakkan getah aloe vera,”

ujarnya lagi yang turut dalam usaha untuk mendapatkan sijil halal daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Roslan turut menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati apabila hendak menggunakan aloe vera sebagai minuman atau makanan. Ini kerana ada pokok aloe vera yang tidak boleh dijadikan makanan atau minuman disebabkan beracun.

“Kami mendapat respon sangat bagus daripada pelanggan. Ada yang mengalami masalah gatal-gatal selama lima tahun. Selepas minum air aloe vera buatan koperasi ini, masalah kegatalan itu hilang. Inilah salah satu kebaikan aloe vera dan alhamdulillah minuman ini serasi dengan pelanggan tersebut,” ujarnya menuju bicara.

### INFO pantas

**Nama Sekolah:** Kolej Vokasional Muar • **Nama Koperasi:** Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad

• **Status Sekolah:** Sekolah Berasrama Penuh • **Tarikh Penubuhan Koperasi:** 3 Mac 1975 • **Bilangan Anggota Koperasi:** 1,091 anggota •

**Bilangan Pelajar Sekolah:** 1,023 orang pelajar • **Pengerusi Koperasi:** Roslan Abd Aziz •

**Aktiviti Koperasi:** Minuman aloe vera, kedai runcit, sewaan jubah konvoesyen, percetakan, perkhidmatan parcel, produk laser cutter, kafe siber mini, pembekal baju kolej, pembekal barang bengkel

# Koperasi Pertama Guna Sistem Kedai Runcit Layan Diri

Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad raih jualan minimum RM2,000 sehari



Sokongan yang diberikan pelanggan-pelanggan kedai yang selesa dan berpuashati dengan perkhidmatan yang disediakan.



Adaptasi koperasi kepada penggunaan teknologi terkini banyak membantu memudahkan urusan pembelian di kedai.

**M**asalah ketirisan dan kos pembayaran gaji pekerja merupakan di antara isu-isu kritikal yang tidak dapat dielakkan dan turut dihadapi Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Johor Bahru Berhad. Justeru, pihak koperasi cuba untuk mencari solusi menangani isu tersebut bagi menjadikan aliran kewangan koperasi akan lebih kukuh.

Segalanya bermula pada enam bulan pertama selepas negara dilanda wabak COVID-19. Koperasi mengalami masalah ketirisan kewangan yang serius. Cakna dengan keadaan tersebut secara sepakat, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah berbincang bagi mencari solusi-solusi yang boleh dipertimbang bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

“Selain ketirisan, isu kos gaji pekerja juga menjadi masalah berdasarkan kedudukan kewangan koperasi yang agak teruk ketika itu. Apatah lagi untuk mematuhi syarat-syarat melibatkan pembayaran gaji minimum. Jadi, saya sarankan koperasi untuk guna sistem layan diri bagi membantu selesaikan masalah yang dihadapi,” ujar Ahmad Fazli Mokhtar selaku Pengerusi koperasi.

Ketika itu, koperasi mempunyai tujuh orang pekerja dengan ketetapan gaji RM1,200 seorang. Kos gaji yang perlu diperuntukkan koperasi berjumlah kira-kira RM8,000 sebulan, dan kira-kira RM90,000 setahun. Hal ini ternyata amat membebangkan koperasi yang masih bergelut untuk pulih daripada kerugian yang ditanggung sejak pandemik pada tahun 2020 lalu.

“Kami cari jalan untuk selesaikan masalah ini. Kami pilih sistem layan diri kerana semuanya automatik dan daripada sistem itu kita tahu maklumat terkini jumlah jualan yang telah dibuat. Tempoh perbincangan ambil masa enam bulan sebelum kami betul-betul pasti untuk menggunakan sistem ini di koperasi,” ceritanya lagi.

## Manfaat Layan Diri

Sebelum menggunakan sistem ini, pihak penyedia perkhidmatan perlu membuat beberapa penambahbaikan supaya sesuai dengan keadaan di sekolah, suasana dan persekitaran koperasi. Menurut Ahmad Fazli, sistem perlu disesuaikan juga dengan persekitaran dan keadaan koperasi supaya sistem ini boleh dilaksanakan dengan lebih baik.



Kedaaan dan susun atur kedai yang memberikan keselesaan kepada pelanggan.



Koperasi ternyata berbangga dengan penggunaan sistem layan diri yang telah dilaksanakan.

"Pembelian mesin menelan kos sebanyak RM18,000 bagi dua buah mesin. Langganan bulanan antara RM600 hingga RM700 sahaja," tambah Ahmad Fazli.

Selain itu, koperasi juga perlu membayar kos untuk servis perkhidmatan pembayaran (GHL) sebanyak RM6,000 untuk menggunakan sistem bayaran tersebut. Untuk operasi kedai ini, koperasi menggunakan dua buah mesin bagi melancarkan urusan di kaunter pembayaran.

Walaupun perlu membayar satu jumlah agak besar bagi memulakan model operasi secara layan diri ini, Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad merasakan ianya perlu bagi tujuan memudahkan kawalan dan juga membantu menjimatkan kos pengurusan kewangan koperasi.

"Daripada tujuh orang pekerja, koperasi kini mengekalkan dua pekerja sahaja. Koperasi dapat menjimatkan kos bayaran gaji pekerja. Tempoh kedai beroperasi pula boleh dilanjutkan. Sebelum ini kami perlu tutup kedai pada jam 6 petang. Kini dengan adanya sistem layan diri, kedai kami beroperasi selama 12 jam dari pukul 9 pagi hingga 9 malam. Tugas buka dan tutup kedai pun mudah kerana hanya boleh dipantau menggunakan aplikasi di telefon bimbit sahaja. Ketika bulan puasa pula, kami boleh buka kedai seawal pukul 4 pagi. Ternyata operasi kedai kami jadi sangat mudah," katanya yang turut menjelaskan bahawa jika ada

masalah ketika membuat pembayaran, pelajar boleh bercakap melalui kamera dan ALK berikan bantuan dan respon secara terus.

#### Semakan Dan Pantauan

Menurut Ahmad Fazli, sistem yang digunakan ini juga amat memudahkan untuk pihak koperasi membuat semakan sekali gus memantau jualan di kedai koperasi. Sistem turut memperincikan semua produk yang telah terjual. Justeru pihak koperasi boleh membuat keputusan dengan tepat untuk menambah stok produk yang mendapat permintaan tinggi dan mengurangkan pengambilan stok produk yang kurang mendapat sambutan. Pengurusan stok kedai menjadi lebih efisien.

"Kami menyokong saranan kerajaan untuk menerapkan elemen digitalisasi dan modenisasi kedai runcit. Jadi kami sahut saranan itu dengan membuat inisiatif operasi layan diri dan tanpa tunai," katanya lagi.

Demi memastikan keselamatan dan mengelakkan kecurian barang yang dijual di kedai, kami menggunakan sistem RFID. Setiap barang yang dijual akan dipapar barcode bagi memudahkan urusan untuk pembeli mengimbas produk yang hendak dibeli. Kosnya antara 1 hingga 7 sen sahaja dan ini ternyata amat membantu memudahkan urusan pelanggan dan kedai. Penggunaan kamera litar tertutup (CCTV)

jugam amat membantu untuk mengawal keselamatan di dalam kedai.

"Kami turut melabur dan berhasrat untuk membangunkan aplikasi sendiri, MRSM JB. Hasrat kami untuk elakkan penipuan melibatkan transaksi pembelian. Bagi setiap bayaran yang dibuat, akan dikeluarkan resit. Salinan digital resit ini akan terus dihantar menerusi e-mel. Kami tidak mahu tanggung rugi melalui penipuan yang pembayaran telah dibuat, tetapi sebenarnya tiada transaksi yang direkodkan. Melalui aplikasi digital ini, amat mudah bagi kami untuk semak rekod pembayaran dan seterusnya mengurangkan risiko penipuan," katanya mengakhiri perbualan.

#### INFO pantas

**Nama Sekolah:** Maktab Rendah Sains MARA Johor Bahru

**• Nama Koperasi:** Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Johor Bahru Berhad

**• Status Sekolah:** Berasrama penuh

**Tarikh Penubuhan Koperasi:** 8 Oktober 2012 • **Bilangan Anggota Koperasi:** 927

anggota • **Bilangan Pelajar Sekolah:** 896 orang murid

**• Pengerusi Koperasi:** Ahmad Fazli Mokhtar • **Aktiviti Koperasi:**

Kedai runcit layan diri, sewa jubah graduasi, penganjuran acara



**SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU DARI KAMI**



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,  
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100